SAMPEL PERCUMA

Soalan PAT Bahasa Melayu Tahun 4 + Skema

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 4

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 4 fail PDF
- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAHAGIAN A
[20 markah]

Soalan 1 hingga 8
*Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.*

1. Guru Besar _____ bahawa setiap murid wajib mematuhi peraturan sekolah.

   A. menegaskan
   B. menyarankan
   C. meyakinkan
   D. menyebarkan

2. Pemandu bas itu memandu dengan laju untuk _____ lori yang ada di laluan hadapannya.

   A. melanggar
   B. menyelit
   C. memotong
   D. menyusup

3. Semua sekolah di daerah Pasir Gudang diarahkan ditutup selama tiga hari kerana _____ kawasan tercemar dengan sisa toksik.

   A. separuh
   B. seluruh
   C. setengah
   D. segelintir

Soalan 4 *berdasarkan gambar di bawah*.



4. Encik Fairus berasa _____ kerana cermin kereta kesayangannya telah dipecahkan oleh samseng jalan raya.

   A. gusar
   B. sayu
   C. pilu
   D. marah

5. "_____ berikrar akan melakukan apa-apa sahaja bagi memenangi pertandingan nyanyian itu," kata Sani kepada Cikgu Ridzuan.

   A. Anda
   B. Awak
   C. Saya
   D. Aku


6. Penduduk Kampung Ulu Tiram bergotong-royong membaiki _____ yang terlalu usang itu.

A. jejantas
B. jejambat
C. kekisi
D. kekuda

7. Profesor Rosmah seorang _____ yang bertugas di sebuah universiti terkemuka di Kuala Lumpur.

A. cendekiawan
B. dermawan
C. hartawan
D. usahawan

Soalan 8 *berdasarkan gambar di bawah*.



8. Papan lapis berbentuk _____ itu akan digunakan untuk membina kandang kambing.

A. bulat
B. bujur
C. leper
D. segi empat

9. Puteri raja berasa sungguh penat setelah seharian bergurau senda bersama dayang-dayangnya lalu berangkat ke istana.

Apakah yang akan dilakukan oleh puteri raja selepas itu ?

A. beristirahat
B. bersantap
C. murka
D. bersemayam

10. Maisha berasa <u>mual</u> apabila terpandang bangkai binatang yang busuk di tepi jalan raya.

Pilih perkataan **sinonim** *bagi* <u>mual</u>.

A. jejak
B. muntah
C. loya
D. perit

Soalan 16 hingga 20
Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Keluarga ialah asas dalam sesebuah masyarakat. Namun, keluarga juga bertanggungjawab melahirkan anggota masyarakat yang harmoni.

Institusi keluarga amat penting untuk melahirkan pemimpin yang berwibawa. Sifat-sifat kepimpinan boleh dipupuk sejak kecil. Rasa tanggungjawab dan sayang akan keluarga dapat melahirkan pemimpin yang disayangi dan dihormati.

Pergaduhan yang kerap antara ibu bapa akan menyebabkan anak-anak tertekan. Mereka keluar dari rumah dan bergaul dengan rakan-rakan yang bermasalah. Mereka lebih suka melepak daripada pulang ke rumah.

Keluarga yang *porak-peranda* lebih banyak menyumbang kepada keruntuhan akhlak remaja. Pengalaman ini akan menghantui mereka sepanjang masa malah boleh menjejaskan masa depan mereka. Tanpa keluarga, tidak akan wujud masyarakat. Tanpa masyarakat, negara tidak akan terbentuk. Justeru, institusi keluarga sangat penting untuk melahirkan masyarakat yang berakhlak.

16. Bagaimanakah institusi keluarga dapat melahirkan pemimpin yang berwibawa ?

A. Membentuk ciri kepimpinan sejak kecil
B. Mengukuhkan ciri kepimpinan dalam keluarga yang harmoni
C. Setiap ibu bapa memupuk anak-anak supaya bertanggungjawab
D. Memupuk sifat bertanggungjawab dan sayang akan keluarga sejak kecil

17. Ibu bapa yang kerap bergaduh akan menyebabkan anak-anak berasa

A. tertekan dan suka melepak.
B. ceria dan gembira.
C. disayangi dan dihormati.
D. bahagia dan menghabiskan masa di rumah.

18. Apakah punca keruntuhan akhlak remaja ?

A. Tekanan daripada ibu bapa
B. Kelemahan institusi keluarga
C. Tidak suka tinggal di rumah
D. Mempunyai rakan bermasalah

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN B
[30 markah]

Soalan 21

(a) *Pilih jawapan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.*

dimainkan	terkenal	kecantikan	diperbuat
dikenali	bermain	membuat	tercantik

Wau merupakan permainan tradisional yang sangat (i) _____ di negara ini terutamanya di Terengganu dan Kelantan. Wau ialah permainan tradisional yang telah (ii)_____ oleh rakyat negara ini sejak beratus tahun yang lalu. Terdapat pelbagai jenis wau seperti wau bulan, wau ikan, wau kucing dan sebagainya. Wau (iii)_____ daripada buluh dan kertas yang berwarna serta dihias dengan pelbagai corak yang menarik. Corak-corak yang menarik ini akan menambahkan (iv)_____ wau itu apabila terbang di udara.

[4 markah]

(b) *Nyatakan* **betul** *atau* **salah** *bagi ayat-ayat di bawah.*

1. Encik Rahim kepenatan setelah memandu kereta selama tujuh jam dari Seremban ke Pulau Pinang.
   ( )

2. Ruben Raj ialah murid yang paling tertinggi sekali dalam Tahun Empat Bijak.
   ( )

3. Puan Syafaliza tidak melepaskan peluang menyertai pertandingan memasak di pasar raya besar itu.
   ( )


[3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 22


(a) *Tandakan (√) bagi* **penjodoh bilangan** *yang paling sesuai.*

(i)



tangkai	
butir	
sikat	


(ii)



biji	
gugus	
tongkol	

[2 markah]

(b) *Nyatakan* **satu simpulan bahasa** *yang sesuai berdasarkan gambar dan pernyataan di bawah.*



Cikgu Mantasan tidak dapat membaca karangan Adib kerana tulisannya yang seperti

_____

[2 markah]

Soalan 24

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya menggunakan ayat yang lengkap.

Devi : Ke manakah kamu dan keluarga pergi pada cuti yang lalu?
Daeng : Pada cuti yang lalu, saya dan keluarga melawat Muzium Negeri Sembilan yang terletak di Kompleks Taman Seni Budaya, Seremban.
Devi : Wah, tentu seronok! Apakah yang terdapat di muzium itu?
Daeng : Di muzium itu terdapat pelbagai bahan artifak yang dipamerkan. Saya dan adik berasa teruja apabila melihat bumbung muzium yang kelihatan seperti tanduk kerbau. Seni bina bumbung itu menonjolkan budaya masyarakat Minangkabau.
Devi : Apakah tarikan utama di muzium itu?
Daeng : Tarikan utama muzium itu ialah Galeri Setem, Galeri Monumen, Rumah Contoh Negeri Sembilan dan Pameran Prasejarah.
Devi : Apakah aktiviti yang dijalankan oleh pihak muzium untuk para pengunjung?
Daeng : Pihak muzium mengadakan pertandingan kuiz untuk para pengunjung. Saya berjaya mendapat hadiah di tempat ketiga.
Devi : Tahniah, Daeng. Terima kasih kerana berkongsi pengalaman dengan saya.

(a) Mengapakah Daeng berasa seronok mengunjungi Muzium Negeri Sembilan?

_____

_____

[2 markah]

(b) Apakah perkara yang menarik perhatian Daeng dan adiknya di Muzium Negeri Sembilan?

_____

_____

[2 markah]

(c) Pada pendapat kamu, wajarkah kanak-kanak dibawa ke tempat bersejarah? Mengapa?

_____

_____

_____

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah

SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN A

1. A
2. C
3. B
4. D
5. C
6. B
7. A
8. D
9. A
10. C
11. B
12. D
13. B
14. B
15. B
16. D
17. A
18. B
19. D
20. A

BAHAGIAN B

Soalan 21

(a) (i) terkenal
(ii) dimainkan
(iii) diperbuat
(iv) kecantikan

(b) (i) betul
(ii) salah
(iii) betul

Soalan 22

(a) (i) tangkai
(ii) gugus

(b) cakar ayam

[Lihat halaman sebelah

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 4

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 4 fail PDF
- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar